

**Ucapan Timbaian Perdana Menteri dan Pengarah Gerakan,
Tun Abdul Razak bin Hussein, membuka Meryuarat Pertama
Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia pada 21hb. Oktober, 1969.**

Pengerusi Lembaga Pengarah dan tuan-tuan sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas penerimaan tuan-tuan untuk berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia ini.

Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum. bahawa sebahagian besar daripada usaha-usaha pembangunan negara ini adalah di tumpukan kepada pembangunan pertanian dengan tujuan bukan sahaja bagi memperluaskan pengeluaran pertanian negara ini. tetapi juga bagi mengadakan peluang-peluang bekerja kepada penduduk penduduk di kawasan luarbandar dan juga di dalam bandar.

Di dalam 10 tahun yang lalu, Kerajaan telah mengadakan beberapa kemudahan bagi melaksanakan rancangan-rancangan pertanian yang progresif, dan sekarang sampailah masanya bagi Kerajaan mengadakan satu badan pinjaman yang bertujuan hendak mengisi kehendak-kehendak pengusaha-pengusaha pertanian di dalam lapangan modal dan juga kredit. Dengan tujuan yang besar ini, Kerajaan telah menubuhkan Bank Pertanian Malaysia ini supaya pelaksanaan serba-serbi rancangan pertanian di negara ini samada dalam memperbanyak jenis tanaman, memperoses barang-barang pengeluaran dan memasarkannya, akan berjalan dengan lebih teratur dan lancar lagi daripada masa-masa yang sudah.

Sebagaimana yang termaktub di dalam Undang-undang Penubuhan Bank ini, tujuan-tujuan besar Bank ini selain daripada menggalakkan kemajuan pertanian yang sempurna di negara ini ialah :-

- (i) Menyelaras dan menyelia bantuan kredit dan kumpulan wang awam untuk tujuan-tujuan pertanian;
- (ii) Untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman. pendahuluan dan juga kredit bagi memajukan usaha-usaha pertanian. termasuklah usaha-usaha memproses. memasarkan dan lain-lain lagi. dan
- (in) Menyelenggara wang simpanan. khususnya dalam bidang pertanian dengan cara menerima wang wang simpanan dan deposit daripada petani-petani. badan-badan pertanian dan lain-lain lagi dengan tujuan wang wang tersebut akan di jadikan modal bagi pembangunan pertanian.

Rancangan-rancangan Prairan Sungai Muda dan Kemubu

Berhubung dengan rancangan-rancangan pertanian. saya suka menyentuh disini dua rancangan pertanian Kerajaan yang besar, iaitu Rancangan Perairan Sungai Muda di Kedah, dan Kemubu di Kelantan. Kedua-dua rancangan ini apabila terlaksana kelak akan membekalkan air kepada tidak kurang daripada 300,000 ekar tanah sawah yang boleh di tanam padi dua kali setahun.

Kejayaan rancangan-rancangan tersebut bukan sahaja membolehkan kita mengeluarkan beras yang cukup bagi kegunaan dalam negeri ini, tetapi akan melipat-gandakan pendapatan-pendapatan petani yang berkenaan.

Satu daripada faktor yang mustahak bagi menentukan kejayaan kedua-dua rancangan ini ialah bekalan kredit yang cukup dan yang agak murah kepada petani-petani di dalam kawasan tersebut supaya petani-petani itu mempunyai kemampuan membeli baja, ubat serangga dan juga menempah traktor-traktor bagi membajak dan bagi upah menuai.

Saya telah mengambil keputusan bahawa tugas yang utama dan yang besar bagi Bank ini pada waktu ini ialah bagi mengadakan rancangan-rancangan kredit di dalam kawasan-kawasan Muda dan Kemubu.

Mengenai kedua-dua rancangan-rancangan int. Kerajaan telah pun menyusun satu rancangan yang lengkap bagi mengadakan kemudahan-kemudahan kredit yang saya sebutkan itu dan adalah tugas Bank Pertanian bagi melaksanakan rancangan-rancangan itu.

Saya mendapat tahu bahawa Bank Pertanian sudah pun mengambil langkah langkah permulaan bagi melaksanakan rancangan kredit yang saya sebutkan itu dan pihak Bank Pertanian telah juga memilih dua buah kawasan di Negeri Kedah dan Perlis untuk digunakan sabagai kawasan "Pilot Project" yang akan di lancarkan dalam bulan Februari. 1970.

Seterusnya saya juga mendapat tahu bahawa tindakan-tindakan adalah sedang di ambil oleh pihak Bank Pertanian bagi mengembangkan rancangan itu di Kawasan Perairan Kemubu, di Kelantan.

Apabila rancangan ini berjalan dengan sempurnanya kelak, tidak kurang dan \$50 million akan berpusing sebagai modal kegunaan petani-petani di dalam kawasan-kawasan tersebut pada tiap-tiap satu musim.

Kesan-kesan yang akan timbul akibat pusingan wang itu kepada daya pengeluaran petani-petani dalam kawasan kawasan itu sudah tentulah besar dan akan membawa pendapatan yang lebih besar kepada mereka.

Pengalaman yang akan di dapati di Kawasan-kawasan Muda dan Kemubu itu kelak akan juga di kembangkan di kawasan kawasan perusahaan padi yang lain di Malaysia mi.

Sungguhpun ada permulaannya Bank Pertanian Malaysia akan menumpukan usaha usahanya kepada menyempumakan tanggungjawab bagi mengadakan rancangan-rancangan kredit dalam dua kawasan rancangan perairannya yang saya sebutkan itu. Saya percaya Bank Pertanian akan juga dapat dengan secara beransur-ansur mengadakan rancangan rancangan yang lain - rancangan-rancangan mengeluarkan pinjaman-pinjaman untuk usaha-usaha pertanian yang lain. Ini bergantunglah kepada adanya pegawai-pegawai yang telatih dan yang berpengalaman.

Kita menghadapi satu masalah penyamaan kredit kredit yang di salurkan kepada bahagian pertanian di negara ini. Di dalam masa yang lalu banyak badan badan kredit telah wujud di negara ini. Tujuan-tujuan badan badan tersebut adalah bagi mengada dan menyampaikan kredit-kredit kepada pengguna-pengguna yang berkehendakkannya.

Tetapi oleh kerana masalah yang tersendiri di hadapi oleh badan badan itu dan pelaksanaan rancangan-rancangannya, maka kredit kredit yang di kehendaki oleh petani-petani tidak dapat di sempaikan kepada pengguna penggunanya. Saya mendapat tahu bahawa kebanyakan daripada wang-wang yang sepatutnya di keluarkan untuk usaha-usaha pertanian tersimpan di dalam Bank-bank Ptrniagaan yang ada di dalam bandar-bandar. Maka keadaan yang seperti ini adalah berlawanan dengan tujuan tujuan hendak mempercepat dan mempercepat lagi pembangunan pertanian di negara mi

Saya telah memberi arahan kepada Bank Pertanian ini bahawa adalah satu tugas bagmya untuk menjalankan usaha-usaha penyamaan di dalam masalah pemberian kredit supaya wang wang yang sepatutnya disampaikan ke bahagian pertanian sebenar benarnya "injected into the sector".

Bank ini adalah mempunyai tujuan-tujuan yang besar, iaitu menolong mempercepat dan memperluas lagi pembangunan-pembangunan pertanian di Malaysia. Oleh itu Bank ini mempunyai kemungkinan-ke

mungkinan yang besar dari segi pembangunan pertanian dan ekonomi negara ini. Dengan yang demikian. Bank ini mestilah berjalan sebagai satu badan yang cekap di dalam usahanya "to inject and plough back the necessary capital into the agricultural sector". Dengan seberapa yang boleh Bank ini mestilah berpegang kepada matlamat "viability" di lapangan yang penuh dengan "risks".

Saya percaya bahawa kejayaan Bank ini adalah juga bergantung kepada usaha-usaha yang terkeluar daripada tugas tugasnya. Usaha itu termasuklah usaha-usaha memberi perkhidmatan-perkhidmatan pelajaran dan extensions kepada petani-petani di negara ini supaya mereka itu menjadi petani-petani yang moden yang menggunakan teknik teknik moden dan juga perkakas-perkakas moden bagi mendapatkan hasil-hasil yang lebih banyak dari usaha-usaha mereka.

Bagi pihak Kerajaan. Kerajaan akan berusaha dengan seterusnya dan dengan berlipat-ganda lagi bagi mengadakan "Extension Services dan Education" supaya pengetahuan-pengetahuan dan amalan-amalan moden di dalam lapangan pertanian dapat di perolehi oleh petani-petani kita.

Satu lagi perkara yang besar yang akan mempengaruhi kejayaan Bank Pertanian ini ialah kecekapan badan badan yang lain yang bertujuan hendak menolong dan mengasuh petani-petani di negara ini. Badan-badan yang saya sebutkan itu termasuklah persatuan-persatuan dan perbadanan-perbadanan yang dianjurkan oleh Kerajaan. dan mereka mestilah juga mempunyai kebolehan di dalam pengurusan wang supaya usaha-usaha Bank Pertanian Malaysia dapat disokong melalui kegiatan-kegiatan mereka.

Satu lagi faktor yang penting sekali di dalam menentukan kemajuan Bank Pertanian ini ialah adanya petani-petani yang menggunakan dengan sepenuhnya kredit yang diberi atau yang disampaikan kepada mereka itu bagi kegunaankegunaan kredit itu diluluskan.

Barangkah faktor yang critical sekali bagi menjamin kejayaan Bank Pertanian ini ialah sikap si peminjam kepada pinjaman yang diberikan kepadanya. Si peminjam hendaklah berusaha dengan sepenuhnya bagi meninggikan lagi pendapatannya melalui wang-wang yang dipinjamkan itu. Seharusnyalah ia menganggap bahawa adalah tanggungjawabnya yang besar bagi membayar balik wang yang dipinjamkan itu. Ia mestilah tidak menganggap bahawa wang yang dipinjamkan itu hanya semata-mata pemberian dari Kerajaan, dan tidak perlu dibayar balik.

Oleh itu saya harap petani-petani sekalian hendaklah mempunyai anggapan yang baharu dan progresif terhadap pinjaman daripada Bank ini. Maka dengan itu tersematlah tujuan-tujuan besar Bank ini diadakan, iaitu untuk kemudahan dan kemewahan bagi petani-petani di negara ini.

Dengan ini saya resmikan mesyuarat pertama ini dan saya ucapkan selamat maju jaya.